



YAYASAN
SELANGOR

POLISI KONFLIK KEPENTINGAN YAYASAN SELANGOR

(CONFLICT OF INTEREST)



IBU PEJABAT YAYASAN SELANGOR

Tingkat 18, Menara Yayasan Selangor
No. 18A, Persiaran Barat,
46000 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.



info@yselangor.com
+603 7669 1100 / 1242



©Hak cipta
Yayasan Selangor

Hak Cipta Terpelihara

Tiada mana-mana bahagian dalam buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sebarang bentuk sistem simpanan, atau dipindahkan dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau seumpamanya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak Penerbit.

Diterbitkan oleh:

Unit Integriti,
Tingkat 18, Menara Yayasan Selangor,
Jalan Persiaran Barat,
46000 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

KANDUNGAN

Bil	Tajuk	Muka Surat
	Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	4
1	Pengenalan	5
2	Objektif	5
3	Pemakaian Polisi (Skop)	6
4	Penguatkuasaan	6
5	Definisi	7
6	Pengenalpastian Konflik Kepentingan	8
7	Tanggungjawab Kakitangan	9
8	Menguruskan Konflik Kepentingan	10
9	Pengisytiharan Konflik Kepentingan Di Peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Yayasan Selangor	11
10	Pengisytiharan Konflik Kepentingan Oleh Warga Kerja	12
11	Merekod Data	12
12	Pemantauan Konflik Kepentingan	13
13	Pelanggaran Polisi (Hukuman Bagi Ketidakpatuhan)	13
	Contoh Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan	14
14	Kaedah Pelaksanaan (Carta Alir)	15
15	Hubungi Unit Integriti	16

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Integriti merupakan tunjang utama yang mendasari kredibiliti dan kejayaan sesebuah organisasi. Dalam melaksanakan amanah yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor, Yayasan Selangor sentiasa berpegang kepada prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik bagi memastikan setiap keputusan yang dibuat adalah demi kepentingan organisasi serta masyarakat yang kami berkhidmat.

Konflik kepentingan merupakan antara risiko yang boleh menjejaskan objektiviti, integriti dan kepercayaan terhadap sesebuah organisasi sekiranya tidak diurus dengan sewajarnya. Malah, konflik kepentingan yang tidak ditangani secara berkesan berpotensi menjadi antara faktor yang boleh membuka ruang kepada perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan pelanggaran etika kerja.

Sehubungan itu, Yayasan Selangor telah membangunkan Polisi Konflik Kepentingan sebagai komitmen berterusan organisasi dalam memperkukuhkan budaya integriti dan mencegah sebarang bentuk salah laku. Polisi ini berfungsi sebagai panduan rasmi kepada warga kerja, Ahli Lembaga Pemegang Amanah, pemegang taruh, pihak berkepentingan serta rakan kerjasama strategik dalam mengenal pasti, mengisytiharkan dan mengurus konflik kepentingan secara berhemah serta selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap individu yang berurusan dengan Yayasan Selangor untuk memastikan kepentingan peribadi tidak mempengaruhi tugas, pertimbangan dan keputusan yang dibuat bagi pihak organisasi. Pematuhan terhadap polisi ini bukan sahaja membantu melindungi reputasi dan kredibiliti Yayasan Selangor, malah mencerminkan komitmen bersama dalam mengekalkan standard profesionalisme dan integriti yang tinggi.

Saya menyeru agar seluruh warga kerja Yayasan Selangor memahami dan menghayati polisi ini serta menjadikannya sebagai panduan dalam melaksanakan tugas harian. Dengan komitmen dan kerjasama semua pihak, saya yakin kita dapat terus memperkukuhkan kepercayaan pemegang taruh serta memastikan Yayasan Selangor kekal sebagai organisasi yang beramanah, berintegriti dan bebas daripada sebarang perlakuan rasuah.

Sekian, terima kasih.

RAJA NAZIRIN SHAH RAJA MOHAMAD
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
YAYASAN SELANGOR

1. PENGENALAN

- 11 Konflik kepentingan merupakan antara punca utama yang boleh menjejaskan integriti, ketelusan dan kepercayaan dalam sesebuah organisasi. Ia berlaku apabila individu dalam organisasi mempunyai kepentingan peribadi yang boleh mempengaruhi pertimbangan profesional atau keputusan rasmi, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- 12 Secara asasnya, kewujudan konflik kepentingan boleh menyebabkan warga kerja berada dalam situasi yang menghalang mereka daripada berfikir secara objektif dan rasional. Keadaan ini seterusnya boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk membuat keputusan yang adil dan saksama, kerana pertimbangan mereka mungkin dipengaruhi oleh prospek keuntungan peribadi. Akibatnya, ramai yang gagal membezakan antara urusan peribadi dan tanggungjawab kerja.
- 13 Selaras dengan peruntukan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Yayasan Selangor perlu mengambil pendekatan yang lebih tegas dan berkesan dalam membendung kes-kes salah guna kuasa. Penekanan khusus perlu diberikan terhadap pengurusan kepentingan peribadi dan kuasa yang telah diperuntukkan kepada warga kerja dalam melaksanakan tugas harian. Langkah ini adalah penting bagi memastikan setiap tindakan yang diambil adalah selaras dengan prinsip integriti, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik.
- 14 Polisi Konflik Kepentingan Yayasan Selangor ini merupakan manifestasi komitmen dan ketegasan Pengurusan Yayasan Selangor dalam menangani isu konflik kepentingan yang berpotensi berlaku dalam organisasi. Polisi ini digubal bagi memperkukuh amalan kerja yang beretika, telus dan bertanggungjawab, selaras dengan aspirasi Yayasan Selangor untuk menjadi sebuah entiti yang bebas daripada sebarang bentuk rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

2. OBJEKTIF

- 21 Polisi Konflik Kepentingan bertujuan untuk mengelakkan sebarang situasi yang boleh menjejaskan imej dan reputasi Yayasan Selangor dalam pelaksanaan tugas secara telus, amanah dan berintegriti.
- 22 Konflik kepentingan merujuk kepada keadaan di mana kepentingan peribadi, termasuk melibatkan ahli keluarga atau individu yang mempunyai hubungan rapat, boleh mempengaruhi pertimbangan profesional. Menurut **Seksyen 3 Akta SPRM 2009**, "saudara" merangkumi:
 - i. Suami atau isteri
 - ii. Adik-beradik
 - iii. Adik-beradik suami atau isteri
 - iv. Individu yang mempunyai pertalian langsung ke atas atau ke bawah
 - v. Pertalian langsung dengan pasangan
 - vi. Pertalian nasab langsung ke bawah dengan adik-beradik
 - vii. Bapa saudara, emak saudara, sepupu
 - viii. Menantu

- 23 Konflik kepentingan boleh berlaku apabila tugas kerja melibatkan ahli keluarga atau individu yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat. Situasi ini berisiko menimbulkan konflik kepentingan sebenar serta mewujudkan suasana kerja yang negatif dan tidak profesional seperti terkandung di bawah **SEKSYEN 23 AKTA SPRM 2009** seperti berikut:

Subseksyen (1): Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk mendapatkan suapan bagi diri sendiri, saudara atau sekutu adalah melakukan kesalahan.

Subseksyen (2): Pegawai awam dianggap telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk suapan apabila membuat keputusan atau mengambil tindakan berhubung perkara yang melibatkan kepentingan dirinya, saudara atau sekutunya sama ada secara langsung atau tidak langsung.

3. PEMAKAIAN POLISI (SKOP)

- 31 Polisi ini terpakai kepada:
- 3.1.1 Semua kakitangan Yayasan Selangor, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor, pemegang taruh, pihak berkepentingan serta rakan kerjasama strategik Yayasan Selangor; dan
 - 3.1.2 Semua pembekal atau kontraktor yang sedang atau akan berurusan dengan Yayasan Selangor.
- 32 Polisi ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Kod Etika Kerja dan Tata tertib Yayasan Selangor serta mana-mana polisi, peraturan dan prosedur dalaman Yayasan Selangor yang sedang berkuat kuasa.
- 33 Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, sebarang mekanisme atau dasar berkaitan prosedur pada polisi konflik kepentingan yang dibangunkan oleh pihak berkepentingan dalam Yayasan Selangor hendaklah dianggap sebagai pelengkap kepada Polisi ini. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara dokumen tersebut dengan Polisi ini, maka Polisi Konflik Kepentingan Yayasan Selangor ini akan diguna pakai sebagai rujukan utama.

4. PENGUATKUASAAN

- 41 Penguatkuasaan Polisi ini adalah tertakluk kepada kelulusan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor.
- 42 Unit Integriti melalui Bahagian Pengurusan Projek bertanggungjawab untuk menyemak dan mengemaskini Polisi ini sekiranya perlu. Mana-mana pindaan yang dicadangkan di masa hadapan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Risiko, Audit Dalam dan Integriti Yayasan Selangor (JKRADIYS) untuk persetujuan dan seterusnya dibentangkan ke Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor untuk kelulusan.
- 43 Polisi ini hendaklah disebar kepada semua kakitangan Yayasan Selangor, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor, pemegang taruh, pihak berkepentingan dan rakan kerjasama strategik Yayasan Selangor serta dimuat naik di dalam laman sesawang rasmi Yayasan Selangor (www.yayasanlangor.org.my) sebagai makluman dan rujukan umum.

5. DEFINISI

- 51 Definisi terma-terma yang digunakan dalam Polisi Konflik Kepentingan Yayasan Selangor adalah seperti berikut:

Agensi penguatkuasa undang-undang	Agensi Kerajaan yang mempunyai fungsi dan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan lain-lain.
Kakitangan Yayasan Selangor	Seseorang yang dilantik bekerja untuk Yayasan Selangor secara tetap, sementara atau kontrak.
Pemegang taruh dan pihak berkepentingan dalam Yayasan Selangor	Organisasi yang ditubuh atau individu mempunyai kaitan dengan Yayasan Selangor seperti melibatkan anak syarikat, Yayasan, Kelab Sukan, Pertubuhan, Persatuan dan Kesatuan Sekerja, termasuklah ibu bapa, cikgu, pihak Jabatan Pelajaran Negeri Selangor / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kementerian Pendidikan Malaysia serta kakitangan dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor.
Rakan strategik Yayasan Selangor	Pembekal, kontraktor, juru perunding atau mana-mana pihak yang mempunyai urusan kerjasama atau perkhidmatan dengan Yayasan Selangor dan pihak berkepentingan dalam Yayasan Selangor.
Polisi	Merujuk kepada Polisi Konflik Kepentingan Yayasan Selangor.
Tugas Rasmi	Tugas yang berkaitan dengan tugas hakiki di Yayasan Selangor atau mana-mana arahan yang diberikan oleh Ketua Jabatan atau Ketua Bahagian.
Konflik Kepentingan	Situasi dimana kepentingan peribadi seseorang individu bertentangan dengan kepentingan profesional majikan / syarikat yang berpotensi menjejaskan pemikiran rasional individu berkenaan. Konflik kepentingan merangkumi sebelum, ketika dan selepas sesuatu kejadian itu.

Saudara	Tafsiran Saudara adalah seperti mana maksud di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
Sekutu	Tafsiran Sekutu adalah seperti mana maksud di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
Material	Berkaitan dengan pegangan saham bermaksud pemilikan ekuiti 5% atau lebih.

6. PENGENALPASTIAN KONFLIK KEPENTINGAN

- 61 Secara amnya, konflik kepentingan berlaku apabila keupayaan seseorang untuk melaksanakan tugas secara amanah dan tidak berat sebelah boleh terjejas disebabkan oleh kepentingan peribadi, pertimbangan tertentu atau hubungan individu.
- 62 Bagi memastikan kepentingan Yayasan Selangor sentiasa terpelihara, semua warga kerja Yayasan Selangor adalah disaran untuk mengisytiharkan sebarang kepentingan yang bersifat kewangan, peribadi, kumpulan, parti politik atau keahlian dalam mana-mana persatuan yang berpotensi menimbulkan konflik kepentingan dalam pelaksanaan tugas rasmi mereka di Yayasan Selangor. Konflik kepentingan boleh diklasifikasikan kepada kategori berikut:

i. Pemilikan Ekuiti dalam Entiti yang Mempunyai Hubungan Kerjasama dengan Yayasan Selangor

Konflik timbul apabila Pengarah atau kakitangan memiliki saham dalam entiti milik persendirian yang mempunyai hubungan kerjasama dengan Yayasan Selangor, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini tidak merangkumi pegangan saham dalam syarikat tersenarai awam, kecuali jika pegangan tersebut dianggap signifikan dan berpotensi menjejaskan objektiviti individu berkenaan.

ii. Pengarahan, Perkongsian atau Faedah Lain dalam Entiti Berkaitan

Konflik berlaku apabila Pengarah atau kakitangan memegang jawatan atau mempunyai kepentingan dalam entiti yang mempunyai hubungan strategik dengan Yayasan Selangor. Contohnya, seorang kakitangan yang juga merupakan pengarah kepada syarikat pembekal Yayasan Selangor.

iii. Pekerjaan Sambilan atau Perniagaan Lain

Konflik berpotensi berlaku apabila kakitangan terlibat dalam pekerjaan sambilan atau perniagaan lain yang menuntut masa, perhatian dan komitmen secara berlebihan sehingga menjejaskan prestasi kerja di Yayasan Selangor.

iv. Hubungan Peribadi

Konflik timbul apabila ahli keluarga kakitangan berada dalam hubungan pelaporan langsung atau tidak langsung. Kakitangan tidak boleh berada dalam jabatan atau bahagian yang sama dengan ahli keluarga atau mempengaruhi pengambilan, penugasan kerja atau penilaian mereka. Konflik juga berlaku jika ahli keluarga mempunyai kepentingan dalam entiti yang mempunyai kontrak atau potensi kontrak dengan Yayasan Selangor.

v. Urusan Kontrak dengan Pengarah atau Kakitangan

Situasi di mana Yayasan Selangor membeli, menyewa atau mengadakan perjanjian kontrak (selain kontrak pekerjaan) dengan Pengarah atau kakitangan boleh menimbulkan konflik kepentingan dan hanya dibenarkan dalam keadaan yang tidak dapat dielakkan.

vi. Penglibatan dengan Pesaing Perniagaan

Konflik berlaku apabila Pengarah, kakitangan atau ahli keluarga mereka mempunyai kepentingan atau jawatan dalam syarikat pesaing. Ini termasuk pemegangan saham yang signifikan atau penerimaan tawaran pekerjaan daripada pesaing semasa masih berkhidmat di Yayasan Selangor.

vii. Penglibatan dalam Aktiviti yang Melibatkan Diri Sendiri sebagai Subjek Utama

Konflik berlaku apabila Pengarah atau kakitangan terlibat dalam aktiviti atau proses keputusan yang mana mereka merupakan subjek utama, seperti menyiasat tuduhan terhadap diri sendiri.

viii. Penerimaan Hadiah

Penerimaan hadiah boleh mempengaruhi pertimbangan dan integriti Pengarah atau kakitangan. Oleh itu, mereka wajib mematuhi Polisi Penerimaan dan Pemberian Hadiah Yayasan Selangor bagi memastikan tiada hadiah yang diterima atau diberikan boleh menimbulkan konflik kepentingan.

7. TANGGUNGJAWAB KAKITANGAN

71 Semua kakitangan Yayasan Selangor bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan mengurus konflik kepentingan secara berterusan. Sehubungan itu, mereka adalah dikehendaki untuk:

- i. Mematuhi semua polisi dan garis panduan yang berkaitan dengan pengenalan, dokumentasi, pelaporan dan pengurusan konflik kepentingan;

- ii. Bertindak berdasarkan objektif, berintegriti dan bebas daripada pengaruh luar, serta menggunakan pertimbangan dan budi bicara yang wajar dalam setiap tindakan;
- iii. Mengelakkan sebarang situasi yang berpotensi menimbulkan konflik kepentingan seperti yang dinyatakan dalam polisi ini; dan
- iv. Segera melaporkan sebarang konflik kepentingan yang dikenal pasti, menarik diri daripada sebarang proses membuat keputusan yang berkaitan serta tidak berusaha untuk mempengaruhi keputusan tersebut.

8. MENGURUSKAN KONFLIK KEPENTINGAN

- 81 Sebarang konflik kepentingan yang dikenal pasti melalui Mesyuarat Jawatankuasa, Pengurusan atau mana-mana operasi dan proses kerja yang berkaitan dengan Yayasan Selangor hendaklah dimaklumkan dengan mengisi Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan (rujukan borang seperti di muka surat 14). Borang ini boleh diperoleh daripada Unit Integriti.
- 82 Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan hendaklah diserahkan kepada Ketua Jabatan dan/atau pihak atasan untuk tindakan lanjut. Pengisytiharan tersebut perlu dibuat sebaik sahaja konflik dikenal pasti, iaitu pada kesempatan paling awal selepas menyedari kewujudan konflik berkenaan.
- 83 Salinan Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Unit Integriti bagi tujuan pemantauan dan penyimpanan rekod.
- 84 Selain daripada membuat pengisytiharan, langkah-langkah yang bersesuaian perlu diambil untuk mengurus dan mengurangkan impak konflik terhadap proses membuat keputusan. Sebaik-baiknya, konflik kepentingan harus dielakkan sepenuhnya. Namun, sekiranya tidak praktikal untuk berbuat demikian, tindakan pengurusan yang sesuai perlu dilaksanakan bergantung kepada sifat dan tahap keseriusan konflik tersebut.
- 85 Bagi konflik yang jarang berlaku dan mempunyai kesan yang minimum, penglibatan individu dalam proses membuat keputusan hendaklah dihadkan. Sekatan tersebut termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - i. Tidak mengambil bahagian dalam penetapan kriteria penting atau membuat keputusan dalam proses berkenaan;
 - ii. Tidak terlibat dalam perbincangan berkaitan;
 - iii. Mengehadkan akses kepada maklumat dan dokumen penting; dan
 - iv. Tidak mempunyai hak untuk mengundi atau membuat keputusan.

- 86 Sekiranya konflik sedang berlangsung dan berpotensi membawa implikasi serius, individu yang terlibat hendaklah dikeluarkan daripada proses berkenaan. Langkah-langkah yang boleh diambil termasuk:
- i. Menghindari sebarang penglibatan dalam perkara yang berkaitan;
 - ii. Menyusun semula tugas dan tanggungjawab agar tidak bertentangan dengan kepentingan organisasi dan tidak diserahkan kepada kakitangan yang berada di bawah pengawasan individu yang mengalami konflik; dan
 - iii. Memindahkan individu yang mengalami konflik ke projek atau tugas lain yang tidak berkaitan.

9. PENGISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN DI PERINGKAT MESYUARAT-MESYUARAT JAWATANKUASA YAYASAN SELANGOR

- 91 Bagi individu di peringkat Pengarah atau lebih tinggi, sebarang konflik kepentingan hendaklah dinyatakan secara rasmi dalam mesyuarat yang berkaitan, seperti Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor dan direkodkan oleh Setiausaha Syarikat. Pengisytiharan tersebut hendaklah dibuat oleh Pengerusi Mesyuarat sebaik sahaja konflik dikenal pasti, iaitu pada kesempatan paling awal selepas menyedari kewujudan konflik berkenaan.
- 92 Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan akan diedarkan kepada semua Ahli Jawatankuasa Mesyuarat untuk diisi dengan lengkap sebelum mesyuarat bermula. Pengurusan borang ini adalah tanggungjawab urus setia mesyuarat masing-masing.
- 93 Pengerusi Mesyuarat akan menyemak borang yang telah dikembalikan dan sekiranya terdapat pengisytiharan konflik kepentingan, akan memaklumkan kepada semua Ahli Jawatankuasa sebelum mesyuarat dimulakan. Antara tindakan yang boleh diambil terhadap Ahli Mesyuarat yang terlibat termasuk:
- i. Menahan diri daripada mengambil bahagian dalam mesyuarat tersebut;
 - ii. Berkecuali daripada sebarang undian;
 - iii. Menarik diri daripada perbincangan; atau
 - iv. Tindakan lain yang difikirkan wajar.
- 94 Semua tindakan yang diambil berkaitan konflik kepentingan hendaklah direkodkan secara rasmi dalam minit mesyuarat oleh Setiausaha Mesyuarat. Mesyuarat yang terlibat termasuk:
- i. Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor (ALPAYS)
 - ii. Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan & Pembangunan Insan Yayasan Selangor

- iii. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Yayasan Selangor
- iv. Mesyuarat Jawatankuasa Risiko, Audit Dalam & Integriti Yayasan Selangor (JKRADIYS)
- v. Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Tender Yayasan Selangor
- vi. Mesyuarat Pengurusan Yayasan Selangor
- vii. Lain-lain Mesyuarat Jawatankuasa berkaitan Yayasan Selangor

95. Urus Setia Mesyuarat bertanggungjawab untuk mengemukakan salinan Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan kepada Unit Integriti bagi tujuan pemantauan dan penyimpanan rekod.

10. PENGISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN OLEH WARGA KERJA

- 101. Sekiranya diarahkan atau terdapat keperluan, warga kerja Yayasan Selangor hendaklah mengisytiharkan sebarang kepentingan kewangan, peribadi, kumpulan, parti politik atau keahlian dalam persatuan yang berpotensi menimbulkan konflik kepentingan dalam pelaksanaan tugas rasmi mereka. Pengisytiharan ini hendaklah dibuat melalui Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan dan diserahkan kepada Ketua Jabatan atau Ketua Bahagian masing-masing.
- 102. Warga kerja baharu akan diberikan Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan oleh Bahagian Pengurusan Modal Insan (Sumber Manusia) semasa melaporkan diri di Yayasan Selangor. Borang tersebut hendaklah dikembalikan dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh lapor diri.
- 103. Sekiranya diarahkan atau terdapat keperluan, Pengerusi bagi mesyuarat-mesyuarat dalaman di peringkat Yayasan Selangor hendaklah memastikan semua Ahli Mesyuarat melengkapkan Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan sebelum mesyuarat dimulakan.
- 104. Ketua Jabatan, Ketua Bahagian atau Urus Setia Mesyuarat bertanggungjawab untuk mengemukakan salinan Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan kepada Unit Integriti bagi tujuan pemantauan dan penyimpanan rekod.

11. MEREKOD DATA

- 111. Setelah menerima Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan, Unit Integriti bertanggungjawab untuk menyimpan borang tersebut dalam bentuk format elektronik atau salinan fizikal (kertas).
- 112. Semua salinan fizikal dan dokumentasi berkaitan hendaklah disimpan dengan selamat di dalam kabinet atau almari berkunci di pejabat Unit Integriti. Akses kepada maklumat ini adalah terhad kepada kakitangan tertentu sahaja, iaitu kakitangan Unit Integriti, pihak Pengurusan serta Ketua Jabatan / Ketua Bahagian organisasi (Dengan akses terhad kepada staf di bawah seliaan masing-masing sahaja).

12. PEMANTAUAN KONFLIK KEPENTINGAN

- 121 Unit Integriti bertanggungjawab untuk memantau konflik kepentingan yang melibatkan warga kerja Yayasan Selangor. Setelah menerima Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan, Unit Integriti akan menilai tindakan yang telah diambil bagi menangani konflik tersebut dan menentukan, berdasarkan kes demi kes, sama ada tindakan tersebut adalah sesuai dan/atau mencukupi.
- 122 Sekiranya Unit Integriti berpendapat bahawa tindakan yang diambil tidak mencukupi untuk mengurus atau menyelesaikan konflik berkenaan, cadangan tindakan lanjut akan dikemukakan oleh Unit Integriti kepada pihak yang berkaitan.
- 123 Sekiranya berlaku perselisihan antara individu yang mengalami konflik dengan Unit Integriti, perkara tersebut hendaklah dirujuk kepada Ketua Pegawai Eksekutif untuk mendapatkan keputusan muktamad. Unit Integriti juga bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pihak pengurusan sekiranya terdapat sebarang keraguan berhubung situasi konflik kepentingan yang dikenal pasti.

13. PELANGGARAN POLISI (HUKUMAN BAGI KETIDAKPATUHAN)

- 131 Kegagalan untuk mendedahkan konflik kepentingan, memberikan maklumat yang lengkap dan tepat atau terbukti memberikan maklumat palsu sama ada secara sengaja atau tidak sengaja serta kegagalan mengurus konflik dengan sewajarnya, merupakan pelanggaran terhadap polisi ini. Pelanggaran tersebut boleh mengakibatkan tindakan tatatertib dikenakan oleh pihak Yayasan Selangor.
- 132 Hukuman yang boleh dikenakan adalah berdasarkan peruntukan yang dinyatakan dalam mana-mana peraturan tindakan tatakelakuan yang berkuat kuasa termasuk Skim Perkhidmatan Peraturan Disiplin dan Tatatertib Yayasan Selangor (Pindaan Tahun 2004) atau Buku Panduan Terma Perkhidmatan Yayasan Selangor (2017) dan termasuk:
- i. Amaran bertulis;
 - ii. Denda;
 - iii. Lucut hak emolumen;
 - iv. Penangguhan kenaikan gaji;
 - v. Penurunan gaji;
 - vi. Penurunan pangkat; dan
 - vii. Pemecatan daripada jawatan.



BORANG PENGISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

[KAKITANGAN BAHAGIAN / UNIT _____

ATAU ;

AHLI MESYUARAT JAWATANKUASA _____ YAYASAN SELANGOR]

Kepada: Ketua Jabatan atau Ketua Bahagian / Ahli-Ahli Mesyuarat Berkenaan.

Saya No. K/P: dengan ini mengisytiharkan bahawasanya:

☐

Saya, anggota keluarga dan/atau tanggungan saya **TIDAK MEMPUNYAI** kepentingan kewangan atau kepentingan peribadi yang lainnya, langsung atau tidak langsung, dalam apa jua perkara yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan dengan tugas-tugas saya di Bahagian / Unit atau; sebagai Ahli Mesyuarat Yayasan Selangor.

☐

Saya, anggota keluarga dan/atau tanggungan saya **SESUNGGUHNYA MEMPUNYAI** kepentingan kewangan atau kepentingan peribadi yang lainnya, langsung atau tidak langsung, dalam perkara tertentu yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan dengan tugas-tugas saya di Bahagian / Unit atau; sebagai Ahli Mesyuarat Yayasan Selangor.

Butir-butir perkara berkenaan dinyatakan di bawah ini:-

Syarikat / Organisasi yang terbabit: Hubungannya dengan Yayasan Selangor: Jawatan anggota keluarga / tanggungan di dalam organisasi :

Keperluan kewangan yang terbabit (sila nyatakan dengan khusus jenis dan nilai): RM.....

Dengan ini saya dengan sesungguhnya berikrar dan bersumpah bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah benar, betul dan lengkap.

Saya mengakui bahawa saya akan membuat satu pengisytiharan lagi untuk menyatakan sebarang perubahan dalam apa-apa perkara yang terkandung di dalam pengisytiharan ini dalam masa satu bulan selepas berlaku perubahan tersebut dan akan menyediakan maklumat lanjut mengenai butir-butir yang terkandung di dalam pengisytiharan ini jika dikehendaki berbuat demikian oleh Ketua Jabatan / Ketua Bahagian atau Ahli-Ahli Mesyuarat. Saya juga akan membuat pengisytiharan tambahan kepada Ketua Jabatan / Ketua Bahagian atau Ahli-Ahli Mesyuarat apabila wujud potensi berlakunya percanggahan kepentingan yang timbul semasa saya melaksanakan tugas rasmi saya sebagai kakitangan Yayasan Selangor.

Saya juga faham bahawa jika saya dibuktikan telah mengemukakan maklumat palsu, dengan sengaja atau tidak sengaja, saya akan dikenakan hukuman sebagaimana yang ditentukan oleh Yayasan Selangor mengikut budi bicara mutlakanya setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

Tandatangan :


Nama :

No. K/P :

Tarikh :

14. KAEDAH PELAKSANAAN

141 Panduan maklumat dan kaedah pelaksanaan boleh dirujuk menerusi carta alir berikut:



15. HUBUNGI UNIT INTEGRITI

151 Sebarang maklumat lanjut atau bagi mendapatkan perincian polisi, sila hubungi:

- **HADIR SENDIRI:**
Berjumpa dengan Pegawai Unit Integriti.
- **E-MEL:**
integriti@yselangor.com
- **SURAT MENYURAT:**
Unit Integriti,
Tingkat 18, Menara Yayasan Selangor
No. 18A, Persiaran Barat,
46000 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.
- **HUBUNGI:**
+603-7669 1100 / 1242



Yayasan Selangor
Tingkat 18, Menara Yayasan Selangor,
No. 18A, Persiaran Barat,
46000 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia



All presentation and slide materials are the sole property of Yayasan Selangor and cannot be published, copied, or disseminated without prior written approval from Yayasan Selangor.



Yayasan Selangor



Yayasanselangorofficial



yselangorportal



YS TikTok